

**ENAKMEN 12 TAHUN 2002
ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (NEGERI MELAKA) 2002**

BAHAGIAN VI - NAFKAH ISTERI, ANAK DAN LAIN-LAIN

Seksyen 72. Hak tempat tinggal.

(1) Seseorang perempuan yang dicerai adalah berhak tinggal di rumah di mana dia biasa tinggal semasa dia berkahwin selagi suami tidak mendapatkan tempat tinggal lain yang sesuai untuknya.

(2) Hak tempat tinggal yang diperuntukkan dalam subsekyen (1) akan terhenti-

(a) jika tempoh *'iddah* telah tamat;

(b) jika tempoh penjagaan anak telah tamat;

(c) jika perempuan itu telah berkahwin semula; atau

(d) jika perempuan itu telah bersalah melakukan perbuatan yang memberahikan secara terbuka (*fahisyah*),

dan sesudah itu suami boleh memohon kepada Mahkamah supaya dikembalikan rumah itu kepadanya.
